PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Momentum pertumbuhan ekonomi mampan

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.1% pada suku keempat 2013 (S3 2013: 5.0%). Pertumbuhan disokong oleh permintaan sektor swasta dan peningkatan dalam eksport. Perbelanjaan sektor awam, bagaimanapun, menjadi sederhana. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 2.1% (S3 2013: 1.7%).

Permintaan dalam negeri berkembang pada kadar lebih sederhana

Permintaan dalam negeri terus menjadi tonggak pertumbuhan dan berkembang sebanyak 6.4% (S3 2013: 8.3%). Aktiviti sektor swasta terus berkembang seperti dicerminkan oleh pertumbuhan pelaburan swasta yang teguh dan pengembangan berterusan dalam penggunaan swasta. Perbelanjaan sektor awam bagaimanapun menjadi sederhana disebabkan oleh penggunaan awam yang lebih rendah dan pelaburan yang merosot.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 5.8% (S3 2013: 8.6%), didorong oleh perbelanjaan modal sektor swasta yang teguh dalam keadaan pelaburan awam yang menguncup. Pertumbuhan dalam pelaburan swasta bertambah baik kepada 16.5% (S3 2013: 15.2%), terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan awam merosot sebanyak 2.7% (S3 2013: -1.3%). Perbelanjaan modal oleh perusahaan awam menjadi sederhana dalam keadaan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang menguncup sedikit. Dari segi jenis aset, aktiviti pelaburan didorong terutamanya oleh perbelanjaan untuk struktur (9.7%; S3 2013: 11.0%) yang mengimbangi sebahagian daripada perbelanjaan untuk jentera dan kelengkapan yang lebih sederhana (1.1%; S3 2013: 5.8%).

Pertumbuhan **penggunaan swasta** kekal tinggi pada suku keempat walaupun pada kadar yang sederhana (7.3%; S3 2013: 8.2%). Perbelanjaan isi rumah terus disokong oleh keadaan guna tenaga yang stabil dan pertumbuhan upah yang mampan, terutamanya dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Pertumbuhan penggunaan awam juga menjadi sederhana kepada 5.1% (S3 2013: 7.8%), mencerminkan perbelanjaan Kerajaan yang lebih rendah untuk emolumen.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2005)

	2012		2013		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan Tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	7.8	10.6	8.3	6.4	7.6
Penggunaan	4.9	7.1	8.1	6.7	7.3
Sektor swasta	*6.2*	*7.7*	*8.2*	*7.3*	*7.6*
Sektor awam	*1.2*	*5.1*	*7.8*	*5.1*	*6.3*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	16.0	19.9	8.6	5.8	8.2
Sektor swasta	*20.1*	*21.9*	*15.2*	*16.5*	*13.6*
Sektor awam	*12.9*	*17.1*	*-1.3*	*-2.7*	*0.7*
Eksport Bersih	-9.3	-31.7	1.6	-11.2	-22.9
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*-1.6*	*-0.1*	*1.7*	*2.9*	*-0.3*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*-0.6*	*4.7*	*1.8*	*4.4*	*1.9*
KDNK	**6.5**	**5.6**	**5.0**	**5.1**	**4.7**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**2.2**	**t.d.**	**1.7**	**2.1**	**t.d.**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset lain termasuk explorasi mineral, penyelidikan & pembangunan, dan lain-lain

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor ekonomi utama terus berdaya tahan

Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama. Pertumbuhan sektor perkhidmatan disokong oleh aktiviti perdagangan dan perkilangan yang bertambah baik. Sektor perkilangan terus berkembang disokong oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam industri berorientasikan eksport dan dalam negeri. Dalam sektor pembinaan, pertumbuhan kekal kukuh, didorong oleh subsektor bukan kediaman dan kediaman. Sebaliknya, sektor komoditi merosot disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit, getah dan minyak mentah yang lebih rendah.

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	7.3	5.6	1.0	2.1	0.2	2.1
Perlombongan	8.4	4.2	1.4	1.7	-1.5	0.5
Perkilangan	24.9	5.7	4.8	4.2	5.1	3.4
Pembinaan	3.5	17.6	18.1	10.1	9.7	10.9
Perkhidmatan	54.6	6.4	6.4	5.9	6.4	5.9
KDNK Benar	**100.0**[1]	**6.5**	**5.6**	**5.0**	**5.1**	**4.7**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	-	**2.2**	-	**1.7**	**2.1**	-

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan **sektor perkhidmatan** meningkat kepada 6.4% (S3 2013: 5.9%), disokong oleh prestasi perdagangan dan aktiviti perkilangan yang lebih baik. Pertumbuhan dalam subsektor borong dan runcit (8.4%; S3 2013: 6.1%) disokong oleh segmen borong sejajar dengan aktiviti perdagangan yang lebih kukuh. Aktiviti perdagangan yang kukuh ini juga dicerminkan oleh prestasi subsektor pengangkutan dan penyimpanan yang lebih baik (5.4%; S3 2013: 5.1%), terutamanya dalam segmen darat dan udara. Dalam subsektor komunikasi, pertumbuhan kekal teguh (10.3%; S3 2013: 10.8%), berikutan permintaan yang terus kukuh terhadap perkhidmatan komunikasi data. Pertumbuhan dalam subsektor kewangan dan insurans kekal lemah pada 0.6% (S3 2013: 1.0%) memandangkan peningkatan dalam pendapatan faedah bersih sektor perbankan sebahagiannya telah diimbangi oleh prestasi segmen insurans yang lemah.

Sektor perkilangan berkembang sebanyak 5.1% (S3 2013: 4.2%), disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam industri berorientasikan eksport dan dalam negeri. Industri berorientasikan eksport berkembang sebanyak 4.5% (S3 2013: 4.2%) didorong oleh permintaan terhadap keluaran elektrik dan elektronik. Industri berorientasikan dalam negeri meningkat sebanyak 5.6% (S3 2013: 4.4%), terutamanya disokong oleh permintaan terhadap kelengkapan pengangkutan yang terus kukuh.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**41.0**	**8.3**	**7.4**	**5.0**	**4.9**	**5.1**
Kewangan & insurans	17.2	10.8	7.8	1.0	0.6	1.8
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	10.1	6.6	7.2	8.2	8.3	7.4
Pengangkutan & penyimpanan	6.7	4.4	4.9	5.1	5.4	4.6
Komunikasi	7.0	8.6	9.2	10.8	10.3	10.0
Perkhidmatan Akhir	**59.0**	**5.1**	**5.8**	**6.6**	**7.5**	**6.4**
Perdagangan borong & runcit	26.1	2.4	4.8	6.1	8.4	6.4
Penginapan & restoran	4.5	4.8	5.4	5.8	5.9	5.7
Utiliti	4.6	4.1	4.3	4.0	4.4	4.1
Perkhidmatan Kerajaan	14.7	11.3	9.5	9.5	8.5	8.2
Perkhidmatan lain	9.2	4.1	3.9	5.0	5.1	5.1
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**[1]	**6.4**	**6.4**	**5.9**	**6.4**	**5.9**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2012			2013		
	S3	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Indeks					
Indeks Sentimen Pengguna MIER	118.3	118.7	116.6	102.0	82.4	104.3
Indeks Perdagangan Runcit MIER	130.2	94.8	107.4	107.9	81.7	98.9
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	129.9	129.8	125.6	138.8	140.3	126.8
	Perubahan tahunan (%)					
Ketibaan pelancong	-2.2	2.9	1.3	-4.9	t.d.	3.3[1]
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	2.9	8.6	4.9	23.0	24.1	19.0
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	7.6	7.1	7.1	7.3	6.2	6.2
Jumlah pinjaman terkumpul	11.9	10.4	10.4	9.5	10.6	10.6
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	11.8	12.1	12.1	11.9	11.1	11.1
Import barangan penggunaan	9.7	5.6	10.7	9.7	9.3	8.7
Jumlah jualan kenderaan bermotor	2.7	12.9	7.2	11.0	-0.9	4.5
Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP)	1.7	0.4	3.4	3.0	2.7	1.5

[1]Jan-Sep 2013

Sumber: Pelbagai sumber

Prestasi Sektor Perkilangan

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (RM juta pada harga malar tahun 2005)		**5.7**	**4.8**	**4.2**	**5.1**	**3.4**
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**100.0**	**6.0**	**5.0**	**4.3**	**4.8**	**3.2**
Industri berorientasikan eksport	**80.2**	**5.3**	**3.9**	**4.2**	**4.5**	**2.5**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**32.3**	**3.9**	**2.2**	**4.0**	**9.7**	**4.0**
Antaranya:						
Elektronik	21.4	12.7	4.2	10.1	13.8	10.2
Keluaran elektrik	10.9	-5.8	-0.2	-4.0	4.4	-3.7
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**47.9**	**6.0**	**4.9**	**4.3**	**1.9**	**1.8**
Antaranya:						
Kimia dan keluaran kimia	17.4	7.8	8.4	9.1	4.6	5.6
Keluaran petroleum	15.8	4.2	4.3	0.6	-3.2	-3.7
Keluaran getah	2.5	3.2	3.0	13.1	15.0	11.7
Pemprosesan di luar estet	3.7	11.1	0.0	-0.8	-1.9	1.7
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**19.8**	**8.1**	**8.3**	**4.4**	**5.6**	**5.4**
Kelompok berkaitan pembinaan	**8.3**	**10.5**	**8.5**	**0.8**	**1.0**	**3.0**
Antaranya:						
Keluaran berkaitan pembinaan	5.5	-1.6	0.9	-3.5	2.0	-3.4
Keluaran logam yang direka	2.8	25.2	18.0	5.1	0.0	9.9
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**11.5**	**6.2**	**8.1**	**7.5**	**9.6**	**7.4**
Antaranya:						
Kelengkapan pengangkutan	4.3	19.1	13.9	12.1	18.7	15.8
Makanan, minuman & keluaran tembakau	7.2	0.7	5.8	2.5	1.1	1.0

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan mampan pada 80% (S3 2013: 80%). Industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 82% dan 74% daripada jumlah kapasiti (S3 2013: masing-masing 82% dan 75%).

Pertumbuhan **sektor pembinaan** mampan pada suku keempat (9.7%; S3 2013: 10.1%), disokong oleh pengembangan yang teguh dalam subsektor bukan kediaman dan kediaman. Subsektor bukan kediaman telah disokong oleh peningkatan dalam projek komersial dan perindustrian manakala

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

aktiviti pembinaan harta tanah mewah pula menyokong subsektor kediaman. Subsektor kejuruteraan awam terus berkembang namun pada kadar yang lebih perlahan berikutan siapnya beberapa projek infrastruktur utama seperti Jambatan Kedua Pulau Pinang, Saluran Gas Sabah - Sarawak dan Sabah Oil and Gas Terminal.

Nilai ditambah **sektor pertanian** mencatat pertumbuhan kecil 0.2% (S3 2013: 2.1%) disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dalam pengeluaran getah berikutan harga getah yang lebih rendah telah menyebabkan pengeluaran getah menjadi sederhana. Selain itu, pengeluaran minyak sawit dan perikanan juga merosot disebabkan oleh faktor berkaitan cuaca. Sementara itu, pertumbuhan **sektor perlombongan** menurun sebanyak 1.5% (S3 2013: 1.7%) disebabkan oleh kemerosotan dalam pengeluaran minyak mentah berikutan kerja-kerja penyelenggaraan yang besar. Pengeluaran gas asli pula mampan.

Inflasi meningkat pada suku keempat

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.0% pada suku keempat (S3 2013: 2.2%). Peningkatan inflasi sebahagian besarnya mencerminkan pelarasan menaik terhadap harga barangan petroleum dan gula, serta kenaikan duti eksais tembakau. Gangguan bekalan berikutan keadaan cuaca yang buruk juga menyebabkan harga makanan lebih tinggi.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2012		2013		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai kerja pembinaan	25.7	25.5	12.0	11.3	12.7
Kediaman	25.0	30.0	23.6	18.3	19.6
Bukan kediaman	7.9	9.6	9.9	18.1	6.6
Kejuruteraan awam[1]	41.0	39.7	6.7	2.8	13.3
Kelulusan perumahan	12.3	47.4	-1.0	t.d.	-22.5[2]
Pengeluaran[3] bahan berkaitan pembinaan	10.5	8.5	0.8	1.0	3.0
Produk berstruktur logam	40.9	32.8	4.9	-9.5	14.5
Besi dan keluli	-3.6	-5.8	11.0	5.0	5.0
Produk tanah liat dan seramik berstruktur bukan refraktori	3.4	5.3	-9.3	-10.2	-8.5
Konkrit siap dibancuh	18.4	19.7	10.6	6.8	14.2
Pinjaman untuk sektor pembinaan					
Kelulusan	-59.6	-18.2	-1.4	0.6	-10.5
Pengeluaran	4.2	20.5	-3.8	17.7	14.4

[1] Termasuk kerja-kerja pertukangan khas seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Jan-Sep 2013
[3] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Bank Negara Malaysia

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100.0**	**5.6**	**1.0**	**2.1**	**0.2**	**2.1**
Tanaman Industri	**55.7**	**4.9**	**-2.5**	**-1.9**	**-2.9**	**-1.4**
Antaranya:						
Kelapa Sawit	36.5	11.6	-0.3	-0.5	-1.6	2.6
Getah	8.2	0.9	-6.3	-2.2	-12.3	-10.5
Tanaman Makanan	**44.3**	**6.7**	**5.7**	**7.0**	**4.6**	**6.4**
Antaranya:						
Perikanan	14.4	5.8	1.8	2.0	-3.8	1.6
Ternakan	11.7	11.6	9.0	11.8	10.4	9.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100**	**4.2**	**1.4**	**1.7**	**-1.5**	**0.5**
Pengeluaran						
Antaranya:						
Minyak mentah dan kondensat	-	5.8	2.8	-1.0	-8.2	-2.6
Gas asli	-	4.6	1.5	6.9	3.2	4.4

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Faktor-faktor ini lantas menyebabkan inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *pengangkutan* (5.0%; S3 2013: 2.0%); *minuman alkohol dan tembakau* (14.8%; S3 2013: 4.3%) serta *makanan dan minuman bukan alkohol* (4.0%; S3 2013 : 3.8%). Dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol*, kenaikan harga dicatatkan dalam subkategori *ikan dan makanan laut* serta *gula, jem, madu, coklat dan manisan.*

Inflasi yang lebih tinggi ini, bagaimanapun telah diimbangi sebahagiannya oleh harga yang lebih rendah dalam kategori *komunikasi* (-0.6%; S3 2013: -0.7%); *pelbagai barangan dan perkhidmatan* (-0.5%; S3 2013: -0.1%) serta *pakaian dan kasut* (-0.3%; S3 2013: -0.6%).

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) berubah arah untuk meningkat kepada 2.2% pada asas tahunan pada suku keempat (S3 2013: -2.3%). Ini merupakan kenaikan kali pertama sejak separuh pertama tahun 2012. Dari segi komposisi, harga komponen berkaitan komoditi meningkat sebanyak 6.3% (S3 2013: -6.0%), manakala harga komponen bukan berkaitan komoditi meningkat sedikit, sebanyak 0.1% (S3 2013: -0.3%). Harga komponen tempatan meningkat sebanyak 3.4% (S3 2013: -2.9), manakala harga komponen diimport terus merosot pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.5% (S3 2013: -1.1%).

Keadaan pasaran pekerja kekal stabil

Keadaan guna tenaga kekal stabil, dengan jumlah guna tenaga berpurata sebanyak 13.7 juta orang pada tempoh dua bulan pertama suku keempat. Ini merupakan pertambahan pekerjaan bersih sebanyak 39.3 ribu orang berbanding dengan suku sebelumnya. Walau bagaimanapun, jumlah tenaga kerja berkembang sebanyak 81.1 ribu pada tempoh tersebut lantas menyebabkan kadar pengangguran meningkat kepada 3.4% pada bulan Oktober - November (S3 2013: 3.1%).

Jumlah pemberhentian pekerja yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia bertambah kepada 2,584 orang (S3 2013: 1,699 orang), terutamanya dalam sektor perkilangan. Walau bagaimanapun, permintaan terhadap pekerja terus menggalakkan, seperti dicerminkan dalam bilangan jawatan kosong yang lebih tinggi dalam JobsMalaysia Portal (366,203 jawatan; S3 2013: 361,080 jawatan). Agregat upah benar sektor perkilangan berkembang sebanyak 6.4% (S3 2013: 8.2%), disokong oleh pertumbuhan upah yang mampan dalam industri berorientasikan dalam negeri.

Keadaan Pasaran Pekerja



Nota: Mulai tahun 2012, data kekosongan jawatan tidak boleh dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya ekoran pengelasan semula data

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Kedudukan luaran bertambah baik pada Suku Keempat

Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM16.2 bilion pada suku keempat, bersamaan dengan 6.4% daripada PNK (S3 2013: RM9.8 bilion atau 4.1% daripada PNK) disebabkan oleh lebihan akaun barangan yang lebih tinggi dan defisit perkhidmatan yang lebih rendah.

Lebihan perdagangan meningkat kepada RM27.4 bilion pada suku keempat (S3 2013: RM18.6 bilion). Eksport dan import kasar berkembang pada kadar yang lebih kukuh masing-masing sebanyak 10.2% dan 11.7% (S3 2013: masing-masing 7.6% dan 7.5%) mencerminkan sebahagian besarnya peningkatan ekonomi global dan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan.

Peningkatan eksport kasar disokong oleh pengembangan yang menyeluruh dalam kesemua segmen barangan. Prestasi eksport perkilangan yang lebih kukuh didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih cepat dalam eksport barangan elektronik dan elektrik (E&E), khususnya separa konduktor. Sementara itu, pertumbuhan eksport komoditi disokong oleh harga LNG yang lebih tinggi dan jumlah eksport produk petroleum bertapis yang meningkat. Dari segi destinasi eksport, eksport ke AS dan Jepun meningkat, manakala eksport ke EU berterusan. Eksport ke rantau ini mencatat trend lebih bercampur-campur. Eksport ke ASEAN adalah lebih rendah, seiring dengan aktiviti yang lebih perlahan dalam ekonomi-ekonomi ini. Sebaliknya eksport ke Timur Laut Asia berkembang pada kadar yang lebih kukuh, disokong oleh aktiviti dalam negeri yang mampan dan permintaan yang lebih tinggi untuk input barangan pengantara untuk industri eksport mereka.

Pertumbuhan import kasar yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh kadar pertumbuhan yang lebih cepat dalam import produk untuk dieksport semula dan

Imbangan Pembayaran[1]

	2012		2013		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Akaun Semasa	**22.9**	**57.3**	**9.8**	**16.2**	**37.3**
(% daripada PNK)	*9.6*	*6.3*	*4.1*	*6.4*	*3.9*
Barangan	34.3	125.6	25.8	33.6	102.7
Perkhidmatan	-2.2	-14.0	-4.3	-3.7	-15.0
Pendapatan primer	-5.6	-36.0	-8.1	-9.9	-35.2
Pendapatan sekunder	-3.5	-18.2	-3.5	-3.7	-15.2
Akaun Kewangan	**-10.3**	**-23.0**	**-11.5**	**-9.7**	**-15.0**
Pelaburan langsung	-18.4	-21.7	2.0	4.0	-4.1
Aset	*-16.5*	*-51.9*	*-7.3*	*-6.4*	*-40.6*
Liabiliti	*-1.9*	*30.2*	*9.3*	*10.5*	*36.5*
Pelaburan portfolio	10.4	58.4	-9.7	-0.7	-2.8
Aset	*-4.1*	*-21.5*	*-10.3*	*-5.3*	*-31.9*
Liabiliti	*14.5*	*79.8*	*0.6*	*4.6*	*29.1*
Derivatif kewangan	0.1	1.0	0.6	0.6	-0.1
Pelaburan lain	-2.3	-60.6	-4.4	-13.6	-8.1
Kesilapan dan ketinggalan[2]	-7.0	-30.6	13.4	-9.3	-7.7
Imbangan Keseluruhan	**5.9**	**3.9**	**11.8**	**-2.9**	**14.5**

[1] Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa yang belum direalisasikan hasil daripada penilaian semula pertukaran asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2013 (%)	2012		2013		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**100.0**	**-2.2**	**0.7**	**7.6**	**10.2**	**2.4**
Perkilangan	67.1	-2.5	-0.2	6.5	10.0	2.7
E&E	*32.9*	*-4.4*	*-2.6*	*5.3*	*13.1*	*2.4*
Bukan E&E	*34.2*	*-0.6*	*2.2*	*7.7*	*7.0*	*3.0*
Petroleum & berkaitan pertanian	*12.4*	*-1.7*	*1.3*	*1.1*	*0.5*	*-1.4*
Kelengkapan & logam	*13.0*	*1.9*	*6.6*	*13.6*	*11.4*	*5.5*
Pelbagai barangan perkilangan	*8.9*	*-2.4*	*-2.3*	*8.8*	*10.1*	*6.1*
Komoditi	32.2	-2.4	1.9	11.2	12.0	2.4
Mineral	*22.6*	*7.4*	*14.1*	*23.8*	*22.8*	*11.6*
Pertanian	*9.6*	*-16.8*	*-14.7*	*-10.7*	*-8.3*	*-14.4*
Import Kasar	**100.0**	**0.9**	**5.8**	**7.5**	**11.7**	**7.0**
Barangan pengantara	58.4	-9.6	-3.4	4.0	10.5	4.3
Barangan modal	15.2	14.3	19.6	3.4	1.5	2.8
Barangan penggunaan	7.3	5.6	10.7	9.7	9.3	8.7
Eksport semula dan barangan dua kegunaan	19.0	31.3	33.4	21.8	25.9	19.8
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**–**	**26.9**	**96.0**	**18.6**	**27.4**	**70.6**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

import barangan pengantara sejajar dengan permintaan luaran yang terus bertambah baik. Pertumbuhan yang ketara dalam import produk untuk dieksport semula mencerminkan aktiviti penyimpanan yang terus berkembang di Johor selatan, yang sebahagian besarnya menyediakan perkhidmatan untuk petroleum bertapis dan logam. Import barangan pengantara berkembang pada kadar yang lebih kukuh sejajar dengan eksport barangan perkilangan yang lebih tinggi pada suku keempat. Walau bagaimanapun, import modal mencatat pertumbuhan yang sederhana disebabkan terutamanya oleh kesan asas yang tinggi berbanding dengan suku keempat 2012. Import barangan penggunaan disokong oleh import barangan pengguna serta makanan utama dan minuman.

Akaun perkhidmatan mencatat defisit yang lebih kecil sebanyak RM3.7 bilion pada suku keempat (S3 2013: -RM4.3 bilion). Defisit yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh pendapatan daripada perjalanan bersih yang meningkat, mencerminkan jumlah kedatangan pelancong yang lebih tinggi pada suku keempat. Selain itu, pembayaran pengangkutan bersih adalah mampan berikutan peningkatan dalam aktiviti perdagangan.

Defisit dalam baki pendapatan utama meningkat kepada RM9.9 bilion (S3 2013: -RM8.1 bilion), apabila terdapat peningkatan dalam pendapatan pelaburan yang terakru kepada pelabur langsung asing di Malaysia, seiring dengan peningkatan permintaan luaran. Ini lebih daripada mengimbangi pendapatan pelaburan lebih tinggi yang terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri, terutamanya syarikat dalam sektor *minyak dan gas* dan *perkhidmatan.*

Akaun kewangan terus mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM9.7 bilion pada suku keempat (S3 2013: aliran keluar bersih sebanyak RM11.5 billion) disebabkan oleh aliran masuk bersih pelaburan langsung telah diimbangi oleh aliran keluar pelaburan lain.

Pelaburan langsung masuk (atau aliran liabiliti pelaburan langsung) adalah yang tertinggi sejak S2 2012, mencatat aliran masuk sebanyak

Malaysia: Destinasi Eksport

	Bahagian 2013 (%)	2012		2013		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**8.1**	**4.1**	**5.4**	**-7.7**	**-2.5**	**-4.5**
Kesatuan Eropah (EU)	**9.1**	**-15.9**	**-13.8**	**16.2**	**14.7**	**5.0**
Jepun	**11.1**	**-13.3**	**2.5**	**-2.4**	**4.9**	**-4.4**
Negara ASEAN terpilih[1]	**27.6**	**8.1**	**9.5**	**11.2**	**7.4**	**7.3**
Timur Laut Asia	**24.4**	**-3.9**	**-3.6**	**14.4**	**23.5**	**5.6**
Republik Rakyat China	*13.5*	*-4.8*	*-3.0*	*17.6*	*30.8*	*9.2*
Hong Kong SAR	*4.3*	*-4.3*	*-3.8*	*4.3*	*30.1*	*3.9*
Korea	*3.6*	*3.5*	*-3.4*	*9.9*	*15.5*	*3.0*
China Taipei	*2.9*	*-8.0*	*-6.0*	*20.9*	*-4.6*	*-3.7*
Asia Barat[2]	**3.4**	**-8.8**	**-3.1**	**-2.0**	**-1.2**	**0.3**
India	**3.6**	**12.9**	**4.2**	**-15.8**	**-17.7**	**-12.2**
Jumlah eksport	**100.0**	**-2.2**	**0.7**	**7.6**	**10.2**	**2.4**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
[2]Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yemen dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RM10.5 bilion pada suku itu (S3 2013: aliran masuk sebanyak RM9.3 bilion) disebabkan oleh aliran masuk modal ekuiti yang berterusan dan pendapatan tertahan yang lebih tinggi. Pelaburan langsung asing dicatat sebahagian besarnya dalam sektor harta tanah di kawasan Iskandar, manakala aliran masuk ke dalam sektor perkilangan serta sektor minyak dan gas kekal tinggi.

Pelaburan langsung keluar (atau aliran aset pelaburan langsung) mencatat aliran keluar lebih rendah sebanyak RM6.4 bilion (S3 2013: aliran keluar sebanyak RM7.3 bilion). Ini disokong terutamanya dalam bentuk suntikan modal ekuiti yang berterusan dan pemberian pinjaman antara syarikat. Pelaburan langsung di luar negeri dicatat terutamanya dalam sektor perlombongan dan juga perkhidmatan.

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih yang ketara lebih rendah sebanyak RM0.7 bilion pada suku keempat (S3 2013: aliran keluar bersih sebanyak RM9.7 bilion). Pada suku itu, aliran masuk pelaburan portfolio oleh bukan pemastautin adalah lebih tinggi. Walau bagaimanapun, ini diimbangi oleh pelaburan portfolio di luar negeri oleh pelabur keinstitusian pemastautin.

Pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih yang ketara sebanyak RM13.6 bilion (S3 2013: aliran keluar bersih sebanyak RM4.4 bilion), apabila pemberian kredit perdagangan yang lebih tinggi oleh pengeksport Malaysia lebih daripada mengimbangi aliran masuk yang dicatat oleh sektor perbankan. Aliran masuk sektor perbankan mencerminkan terutamanya penempatan deposit oleh institusi kewangan asing dalam sistem perbankan domestik.

Berikutan perkembangan ini, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat defisit kecil sebanyak RM2.9 bilion pada suku keempat (S3 2013: lebihan sebanyak RM11.8 bilion). Kesilapan dan ketinggalan (E&O) berjumlah -RM9.3 bilion (2.8% daripada jumlah perdagangan). Ini sebahagiannya mencerminkan penambahan rizab antarabangsa yang disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing, apabila ringgit menyusut nilai berbanding dengan beberapa mata wang utama dan serantau pada suku tersebut.

Hutang luar negeri

Jumlah hutang luar negeri meningkat kepada RM318.1 bilion atau USD95.8 bilion pada akhir bulan Disember 2013 (akhir bulan September: RM306.6 bilion atau USD93.2 bilion), bersamaan dengan 33.5% daripada PNK.

Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang meningkat kepada RM190.0 bilion, mencerminkan terutamanya ambilan bersih peminjaman luar negeri oleh sektor swasta. Pada akhir bulan Disember 2013, **hutang luar negeri jangka pendek** juga lebih tinggi sebanyak RM128.1 bilion disebabkan terutamanya oleh ambilan bersih peminjaman antara bank. Jumlah hutang luar negeri yang lebih tinggi pada suku keempat juga disebabkan oleh penyusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang serantau dan mata wang utama.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2012	2013	
	akhir Dis	akhir Sept	akhir Dis[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	159.8	186.3	190.0
Sektor awam	82.9	92.8	93.1
Sektor swasta	76.9	93.5	96.9
Hutang jangka pendek[1]	93.0	120.3	128.1
Jumlah hutang luar negeri	**252.8**	**306.6**	**318.1**
bersamaan USD bilion	81.7	93.2	95.8
Hutang luar negeri/PNK (%)	27.9	32.3	33.5
Rizab antarabangsa/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	4.6	3.7	3.4[2]

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 30 Januari 2014
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM441.7 bilion (bersamaan USD134.9 bilion) pada 31 Disember 2013. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 30 Januari 2014, kedudukan rizab berjumlah RM436.0 bilion (bersamaan dengan USD133.1 bilion), memadai untuk membiayai 9.4 bulan import tertangguh dan ialah 3.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Defisit fiskal lebih rendah sebanyak 3.9% daripada KDNK pada tahun 2013 didorong oleh perbelanjaan lebih rendah

Pada suku keempat, perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan menurun sebanyak 4.6% pada asas tahunan disebabkan oleh emolumen dan subsidi yang lebih rendah. Hasil meningkat sebanyak 6.8%, didorong oleh cukai syarikat dan pendapatan pelaburan yang lebih tinggi. Perbelanjaan pembangunan disalurkan terutamanya kepada sektor pengangkutan, perdagangan dan perindustrian, serta pendidikan. Bagi keseluruhan tahun 2013, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal yang lebih rendah sebanyak 3.9% daripada KDNK (2012: 4.5% daripada KDNK). Jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan adalah RM539.9 bilion atau 54.8% daripada KDNK pada akhir bulan Disember 2013.

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2012		2013[a]		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	57.2	207.9	57.0	61.1	213.4
% pertumbuhan tahunan	*20.0*	*12.1*	*9.4*	*6.8*	*2.6*
Perbelanjaan mengurus	61.6	205.5	53.4	58.8	211.3
% pertumbuhan tahunan	*13.1*	*12.6*	*6.7*	*-4.6*	*2.8*
Akaun semasa	**-4.5**	**2.4**	**3.6**	**2.3**	**2.1**
% daripada KDNK	***-1.8***	***0.3***	***1.4***	***0.9***	***0.2***
Perbelanjaan pembangunan bersih	16.6	44.3	9.0	16.0	40.7
% pertumbuhan tahunan	*-10.2*	*-2.2*	*-16.5*	*-3.4*	*-8.2*
Imbangan keseluruhan	**-21.1**	**-42.0**	**-5.4**	**-13.8**	**-38.6**
% daripada KDNK	***-8.7***	***-4.5***	***-2.2***	***-5.2***	***-3.9***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	78.3	249.9	62.4	74.8	252.0
% pertumbuhan tahunan	*7.2*	*9.6*	*2.6*	*-4.4*	*0.8*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	501.6	501.6	529.2	539.9	539.9
% daripada KDNK	*53.3*	*53.3*	*53.8*	*54.8*	*54.8*
Hutang dalam negeri	484.8	484.8	512.3	523.1	523.1
% daripada KDNK	*51.5*	*51.5*	*52.0*	*53.1*	*53.1*
Hutang luar negeri	16.8	16.8	16.9	16.8	16.8
% daripada KDNK	*1.8*	*1.8*	*1.7*	*1.7*	*1.7*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia